

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: University Teaching and Learning Centre
Sent: 07 April 2016 13:13
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - UTLC
Subject: PERBINCANGAN SEMAKAN KUALITI MOOC UUM PERINGKAT NASIONAL



Pusat Pengajaran
Pembelajaran Universiti
UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE

Universiti Utara Malaysia



7 APRIL 2016/29 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

PERBINCANGAN SEMAKAN KUALITI MOOC UUM PERINGKAT NASIONAL



UTLC telah menganjurkan Bengkel Penilaian Kualiti MOOC (Massive Open Online Course) pada 29 Mac 2016 yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (A&A), Prof. Dr. Hassan A. Bengkel tersebut bertujuan untuk membincangkan semakan kualiti bagi empat kursus MOOC peringkat kebangsaan yang dibangunkan oleh UUM sebagai persediaan untuk ditawarkan di peringkat global dan jangka awal untuk mendapatkan pengiktirafan pihak MQA untuk proses pemindahan kredit antara Universiti Awam (UA).

Bengkel ini juga dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja MOOC Kebangsaan Prof. Dr. Hanafi Atan yang memberi taklimat mengenai halatuju pembangunan dan pelaksanaan MOOC negara. Taklimat juga disampaikan oleh Timbalan Pengarah UTLC Dr. Muhamad Shahbani mengenai perancangan dan pembangunan MOOC di UUM. Terdapat empat kursus MOOC UUM yang dinilai iaitu *Islamic Banking Management*, *Export Management*,

International Business dan *Introduction to Object Oriented Programming*.

Jawatankuasa Penilaian Kualiti MOOC yang terlibat ialah Prof. Dr. Zakaria Abas, Prof. Dr. Raja Maznah Bt Raja Hussain, Prof. Madya Dr. Razamin Ramli dan wakil Pustakawan Pengajian kursus MOOC yang ditawarkan. Turut hadir dalam bengkel tersebut ialah Pengarah UTLC, Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim.

BEST REGARDS:
UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE (UTLC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
CONVENTION COMPLEX
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN.
TEL : 04-928 4697
FAKS : 04-928 4702
E-MEL : utlc@uum.edu.my



Universiti Pengurusan Terkemuka



Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary)